

---

# Penggunaan racun tinggi dedah risiko kesihatan

**Kuala Lumpur:** Penggunaan racun yang tinggi pada bahan makanan termasuk sayur-sayuran boleh memberi kesan kesihatan jangka panjang kepada pengguna termasuk kanser, sakit kulit kronik, gangguan sistem badan dan keracunan dalam darah.

Bagaimanapun, Pakar di Jabatan Perniagaantani dan Ekonomi Biosumber, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Norsida Man, berkata tahap kesedaran pengguna berkaitan produk makanan menggunakan racun kimia secara berlebihan masih rendah.

Beliau berkata, ia diburukkan lagi dengan kesempitan hidup yang dibelenggu oleh kos sara hidup tinggi sehingga membuatkan pengguna lebih memikirkan kuantiti yang mereka terima dengan harga rendah.

“Sebenarnya pengguna masih kurang arif untuk menilai sesuatu produk makanan sama ada ia selamat atau tidak daripada pencemaran racun kimia.

“Jika kesedaran pengguna tinggi sekalipun terhadap produk pertanian yang selamat dimakan, tetapi jika mereka masih tiada akses mendapatkan produk itu, mereka ini juga tidak dapat lari daripada isu ini.

“Ini kerana kebanyakan sayuran yang dihasilkan secara organik dan menggunakan kurang racun kimia dijual agak mahal dan premium. Berbanding kualiti dan kuantiti, pengguna akan memilih kuantiti,” katanya kepada *BH*, semalam.